

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN** :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang telah dilaksanakan untuk memajukan agro-tourism, eco-tourism dan pelancongan desa di daerah Sik serta umumnya di negeri Kedah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu misi utama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia adalah mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menawarkan berbagai pengalaman percutian di satu destinasi. Ini termasuklah segmen *agrotourism* di mana Kementerian ini menjalin kerjasama baik dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam memanfaatkan potensi *agrotourism* di negara ini.

Kawasan Ulu Muda khususnya mempunyai kemudahan-kemudahan bagi menarik pelancong seperti MUDA Resort yang menawarkan kemudahan dewan mesyuarat dan chalet-chalet yang selesa. Di samping itu, terdapat juga Homestay Kampong Jeruju dan Homestay MADA Pulau Pisang yang menawarkan pengalaman percutian *agrotourism* melalui *farmstay*.

Kesedaran potensi ini telah menyediakan asas untuk Kementerian ini meneruskan program kerjasama promosi dengan MOA dan pengusaha-pengusaha pelancongan di kawasan Ulu Muda dalam promosi *agrotourism* sebagai produk pelancongan negara. Di antara inisiatif ke arah ini adalah penganjuran *Malaysian Agriculture*,

*Horticulture and Agrotourism Show* (MAHA) oleh MOA yang turut disokong oleh Tourism Malaysia. Program MAHA yang telah berlangsung dari 11 November 2018 bagi tempoh 11 hari ini turut melibatkan penyertaan antarabangsa. Program seumpama ini secara tidak langsung mempromosikan Ulu Muda sebagai destinasi *agrotourism* yang menarik di Negeri Kedah.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memajukan *agrotourism*, ekopelancongan dan pelancongan desa di Kedah terutamanya di Sik adalah :

### ***Agrotourism***

- i. Bekerjasama dengan agensi seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) bagi mempromosi ladang kopi, kebun kelapa dan perusahaan madu kelulut dengan cara menjalankan program serta kursus di kawasan tersebut sekaligus membantu mempromosi produk berasaskan *agrotourism* di daerah Sik.

### **Ekopelancongan**

- ii. Kawasan Ulu Muda di daerah Sik telah dimasukkan sebagai kluster Ulu Muda – Sungai Petani dalam Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016 – 2025 yang berupaya untuk membantu meningkatkan pertumbuhan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan.
- iii. Bekerjasama dengan agensi seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi kemajuan aktiviti pelancongan di Empangan Muda.
- iv. Bekerjasama dengan agensi seperti Majlis Daerah Sik dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah bagi penyediaan Pelan Tindakan Pengurusan Pelancongan Ulu Muda yang berasaskan *Community Based Tourism*.

## Pelancongan Desa

- v. Mengadakan Kursus Asas Homestay bagi membolehkan beberapa kampung di daerah Sik menyertai Program Pengalaman Homestay Malaysia. Antaranya adalah penganjuran bersama Amanah Ikhtiar Malaysia pada September 2018. Kursus yang seterusnya akan diadakan pada Mac 2019 dengan kerjasama Majlis Daerah Sik

Kementerian melalui Tourism Malaysia akan meneruskan program kerjasama dengan MOA bagi mempromosikan produk-produk *agrotourism* negara dengan kerjasama pengusaha-pengusaha tempatan termasuk dari Ulu Muda. Contoh inisiatif adalah seperti penganjuran program seminar bagi universiti-universiti tempatan, bengkel-bengkel pembangunan pakej, penyertaan di pameran-pameran pelancongan tempatan seperti MITA dan MATTA Fair, penyenaiaan produk-produk pelancongan Ulu Muda di dalam risalah-risalah pelancongan dan laman web rasmi Tourism Malaysia dan promosi media sosial. Pengusaha-pengusaha pelancongan Ulu Muda juga digalakkan untuk menyertai platform promosi Tourism Malaysia dan MOA bagi merealisasikan potensi *agrotourism* kawasan Sik dan Kedah secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.